

KEPUTUSAN JAWATANKUASA FATWA NEGERI PERAK

FATWA BIL. 5

KEPENGUNAAN HAIWAN JALLALAH INDUSTRI AKUAKULTUR DI MALAYSIA

Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak yang bersidang pada 21 - 22 Syaaban 1443H bersamaan 24 - 25 Mac 2022 setelah meneliti dan membincangkan kertas kajian dan keputusan Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Islam (MKI) Kali Ke-119 berkenaan Kepenggunaan Haiwan Jallalah Industri Akuakultur di Malaysia berpandangan seperti berikut:

- i. Haiwan jallalah bermaksud binatang yang dagingnya berbau busuk disebabkan memakan najis dan/atau hidup di persekitaran najis;
- ii. Haiwan yang ditenak dan dengan sengaja diberikan makan makanan daripada najis 'aini atau makanan yang dihasilkan daripada campuran bahan najis sama ada najis itu dalam kategori najis mughallazah atau mutawassitah adalah **haiwan yang diharamkan daripada dimakan jika tidak dilakukan proses kuarantin**;
- iii. **Kaedah kuarantin** haiwan *Jallalah* Akuakultur adalah:
 - a) Haiwan tersebut **perlu diasingkan daripada ruang ternakan asal ke ruang baharu** yang bebas daripada elemen najis;
 - b) Ketika tempoh kuarantin dilakukan, haiwan tersebut **boleh dibiarkan tanpa makan apa-apa makanan, atau diberi makan dengan makanan yang bersih** bebas daripada elemen najis; dan
 - c) Tempoh umum kuarantin adalah **sekurang-kurangnya 3 hari** dan hendaklah dipastikan **hilang bau busuk**. Jika selepas tempoh kuarantin tersebut, masih ada kesan bau busuk najis pada haiwan tersebut, maka **tempoh kuarantin perlu ditambah** sehingga bau busuk itu hilang.

Tarikh : 25 April 2022
No. Fail : MN.Pk.A351.IST/05/9 JLD. 9 (60)
Status Fatwa : **Tidak Warta**

Saya yang menjalankan amanah


(SS. DATO' HAJI ZAMRI BIN HASHIM)
Timbalan Mufti Negeri Perak